

Kegiatan curi pasir dikesan PDHS

Lokasi pernah diharamkan sepenuhnya

HULU BERNAM – Satu lagi kegiatan mencuri pasir dikesan berlaku di daerah ini melibatkan kawasan sungai dan di atas tanah Kerajaan Negeri berkeluasan 14 hektar.

Pegawai Daerah Hulu Selangor, Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, kegiatan itu berlaku di di Sungai Bernam, Kampung Serigala dekat sini.

Menurutnya, berdasarkan kesan kerja-kerja di kawasan tersebut, kegiatan itu dipercayai dilakukan lebih dua bulan lalu. Kawasan tersebut pernah dijadikan lokasi mengorek pasir, tetapi diharamkan sepenuhnya.

“Maklumat diperoleh daripada aduan penduduk kampung mengenai wujudnya kegiatan pengeluaran pasir dari kawasan bekas perlombongan bijih timah di sini.

“Berdasarkan maklumat itu, kita bertindak segera untuk mematahkan kegiatan haram ini,” katanya.

Hadir sama, Pegawai Yang Menjaga, Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) Hulu Selangor, Abdul Rahman Harun.



■ Nor Hisham (kanan) memegang alat yang digunakan untuk kegiatan mengorek pasir di kawasan tersebut sambil disaksikan Abdul Rahman (kiri).

Nor Hisham berkata, kegiatan tersebut dilakukan tanpa kebenaran, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor (PDHS).

Bagaimanapun, katanya, perkara itu telah dimaklumkan kepada KSSB untuk tindakan lanjut.

“Kegiatan pihak tidak bertanggungjawab ini dipercayai dilakukan bukan sahaja melibatkan hasil pasir di Selangor, tetapi disebabkan kawasan ini

adalah persempadanan antara Selangor dan Perak, maka mereka turut mengambil pasir dari Perak.

“Kawasan ini bersebelahan dengan Kampung Kelawar, Perak. Semua pasir yang dikorek dibawa ke kawasan penapisan yang dibina di kawasan Selangor,” katanya.

Nor Hisham berkata, PDHS bertindak merampas dua jentera pengorek dan dua lori serta sebuah jentera

ringan digunakan.

Menurutnya, struktur yang dibangunkan di kawasan tersebut untuk tujuan mencuci pasir juga akan dirobohkan bagi melumpuhkan operasi haram tersebut.

Sementara itu, JPS dijangka melakukan siasatan mengenai perkara sama memandangkan kegiatan itu melibatkan kawasan Sungai Bernam yang berada di bawah tanggungjawab jabatan.